

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 17 DISEMBER 2014 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Pelajar tingkatan tiga menang di Korea Selatan	Berita Harian
2	'Civil servants must change mindset'	The Sun
3	Semua mangsa banjir di Hulu Terengganu dibenarkan pulang	Bernama.com
4	Angin kencang dan laut bergelora dijangka berterusan sehingga Khamis	Bernama.com
5	KL tuan rumah persidangan Nuclear Power Asia 2015 pada 27 Jan	Bernama.com
6	LZS agih RM492 juta wang zakat sehingga bulan lepas	Bernama.com

**KERATAN AKHBAR**  
**BERITA HARIAN (PENDIDIKAN) : MUKA SURAT 14**  
**TARIKH : 17 DISEMBER 2014 (RABU)**

# Pelajar Tingkatan Tiga menang di Korea Selatan

» Kejayaan SMK Aminuddin Baki dan SMK Bandaraya harumkan nama sekolah, Malaysia di mata dunia



Abu Bakar (lima dari kiri) bergambar bersama-sama pasukan SMK Aminuddin Baki yang meraih pingat emas di Korea pada StAr Awards di Putrajaya, baru-baru ini.

FOTO: NUR ADIRAH AHMAD / IZAM / BH

Oleh Basir Zahrom  
basir\_zahrom@bh.com.my

## Putrajaya

Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Aminuddin Baki, Kuala Lumpur dan SMK Bandaraya, Kota Kinabalu meraih pingat emas dan perak dalam Olimpiad Standard Tahunan Kesembilan di Anseong, Korea Selatan.

Diwakili pelajar Tingkatan Tiga SMK Aminuddin Baki, iaitu Davin Sukhbir Singh, Nabeel Kamarul Bahren, Tan Heng Lim dan Chelsea Wan Ling.

SMK Bandaraya pula diwakili pelajar Tingkatan Tiga Faveyana Linos, Phobe Quevendapemanul, Mohd Shafiq Hussien dan Junier Jerome James Gosuti.

Ketua kumpulan SMK Aminuddin Baki, Davin, berkata keme-

nangan itu amat bermakna untuk kumpulannya yang kali pertama menyertai pertandingan pada peringkat antarabangsa.

### Bersaing pelajar antarabangsa

Katanya, beliau tidak menyangka dapat memenangi kategori menengah rendah itu memandangkan kebanyakannya penyertaan lain yang terdiri daripada sekolah dari Korea Selatan yang mempunyai pengalaman dalam pertandingan seumpama itu.

"Kami perlu menyiapkan papan tanda dan pictogram dalam masa lapan jam dengan piawai yang baik menggunakan bahan disediakan pengaruh serta membuat pembentangan.

"Cabaran yang dihadapi ialah untuk menyiapkan tugas dalam masa ditetapkan dalam suasana kondusif dan kemudian-

nya meyakinkan juri yang terdiri daripada ahli akademik dari Korea Selatan.

"Kami amat berbangga dengan kejayaan ini kerana bukan saja dapat mewakili negara, tetapi kerana diberi kepercayaan untuk menyahut cabaran sebesar ini," katanya ketika ditemui pada StAr Awards 2014, di sini baru-baru ini.

Penyampaian hadiah dilakukan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

Yang turut hadir ialah Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia, Datuk Fadilah Baharin

“Cabaran yang dihadapi ialah untuk menyiapkan tugas dalam masa ditetapkan dalam suasana kondusif dan kemudian-

meyakinkan juri yang terdiri daripada ahli akademik dari Korea Selatan”

Davin Sukhbir Singh,  
Ketua Kumpulan  
SMK Aminuddin Baki

dan Pengerusi Majlis Standard dan Akreditasi Malaysia, Tan Sri Mustafa Mansur.

### Gugup

Ketua kumpulan SMK Bandaraya, Faveyana berkata, pada awalnya beliau dengan ahli kumpulan lain berasam gugup apabila melihat penyertaan dalam pertandingan itu kerana mereka juga kali pertama menyertai pertandingan pada peringkat antarabangsa.

Beliau berkata, kumpulannya memperuntukkan masa sebaik-baiknya untuk perancangan dan pelaksanaan tugas.

"Bagi menghilangkan rasa gemuruh, kami bercerita sesama

sendiri pengalaman sepanjang berada di Korea Selatan sambil membincangkan penggunaan warna, saiz huruf yang akan digunakan untuk papan tanda.

"Kami amat berbangga dengan kejayaan ini kerana ia menaikkan nama sekolah dan Malaysia di mata dunia," katanya.

### Aplikasi ilmu

Sementara itu, Dr Abu Bakar berkata, kemenangan itu membuktikan program kendalian Standards Malaysia berjaya membentuk kumpulan pelajar yang cekik standard dan pematuhan sehingga berjaya mengaplikasikan pengetahuan itu dalam pertandingan antarabangsa.

Beliau berkata, diharap program itu dapat diteruskan dengan membabitkan jumlah pelajar yang lebih ramai untuk melahirkan generasi baharu yang cekik standard.

**KERATAN AKHBAR**  
**THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS) : MUKA SURAT 8**  
**TARIKH : 17 DISEMBER 2014 (RABU)**

## 'Civil servants must change mindset'

**KUALA LUMPUR:** Negative public perception of the civil service is often not unfounded, said Public Service Department Director-General Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal.

He recounted a visit to an unspecified branch of the Immigration Department, where the public were made to stand in long lines just to get a serving number.

"People had to wait for an hour just to get a number. Imagine how many more hours they would have to wait if only one counter was open at that time.

"I called the Immigration Department's director-general and informed him of this, and four more counters were opened," he said.

Mohamad Zabidi, who was officiating at the Propagate #myGST4U Programme at the Malaysia Agriculture Exposition Centre in Serdang, said more counters could have been opened without orders from higher-up and this lackadaisical mindset has to change.

He said if civil servants manning the counters can change their mindset and operate more efficiently, then public perception of the civil service will also begin to change in their favour.

"Service counters contribute significantly to public perception on government services," Mohamad Zabidi said.



## **Semua Mangsa Banjir Di Hulu Terengganu Dibenar Pulang**

KUALA TERENGGANU, 16 Dis (Bernama) -- Daerah Hulu Terengganu telah pulih dari bencana banjir manakala lima lagi daerah masih menempatkan mangsa banjir di 12 pusat pemindahan yang masih dibuka sehingga Selasa malam.

Menurut portal Majlis Keselamatan Negara (MKN) Terengganu, cuaca cerah di Hulu Terengganu telah membolehkan kesemua 54 mangsa daripada 18 keluarga di dua pusat pemindahan pulang ke rumah masing-masing.

Serentak itu pusat pemindahan di Balai Raya Bukit Kolam dan Masjid Kampung Tok Gebok telah ditutup lewat petang tadi.

Portal itu berkata Kemaman yang merupakan daerah paling teruk terjejas menyaksikan jumlah mangsa menurun kepada 422 orang berbanding 519 orang siang tadi.

Pusat pemindahan di daerah itu juga telah berkurangan apabila dua ditutup berbanding sembilan pusat sebelum ini.

Di Marang, keadaan masih bertahan dan jumlah mangsa yang ditempatkan di pusat pemindahan sama seperti petang tadi iaitu 643 orang daripada 163 keluarga.

Dua buah pusat pemindahan masih beroperasi iaitu Dewan Sri Rawai yang menempatkan 118 orang mangsa dan SMK Seri Payong yang menempatkan 25 orang.

Di Setiu, keadaan air beransur surut dan kini jumlah mangsa menurun kepada 36 orang di tiga pusat pemindahan berbanding 416 orang petang tadi.

Di Daerah Besut, seramai 16 orang daripada 3 keluarga masih bermalam di pusat pemindahan di Masjid Kampung Teluk Bayu.

Sementara sebuah pusat pemindahan masih beroperasi di Kuala Terengganu yang menempatkan 22 mangsa di Dewan Seri Kandi.

Paras air Sungai Setiu di Permaisuri dan di Langkap serta Sungai Marang di Pengkalan Berangan masing-masing berada pada tahan amaran.

**Jabatan Meteorologi Malaysia** juga mengeluarkan amaran angin kencang kategori pertama dengan kelajuan angin 40-50 kilometer sejam dan ombak setinggi 3.5 meter di perairan Terengganu sehingga Khamis ini.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 17 DISEMBER 2014 (RABU)**



## **Angin Kencang Dan Laut Bergelora Dijangka Berterusan Sehingga Khamis**

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- **Jabatan Meteorologi Malaysia** Selasa mengeluarkan amaran angin kencang timur laut dan laut bergelora kategori dua dijangka berterusan di kawasan perairan Labuan dan Miri sehingga Khamis ini.

Menurut kenyataan jabatan itu, angin kencang berkelajuan antara 40 dan 60 kilometer sejam (kmsj) dengan ketinggian ombak sehingga 4.5 meter di kawasan itu berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan persisiran pantai termasuk perkhidmatan feri.

Jabatan itu turut meramalkan angin kencang timur laut dan laut bergelora kategori pertama dijangka berterusan sehingga Khamis di perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor timur, dan Sarawak (Bintulu, Mukah, Kuching).

Keadaan sama dijangka berlaku di Condore, Reef North, Reef South, Samui, Tioman, Bunguran, Palawan, Layang-Layang dan Labuan, menurut kenyataan itu.

Sementara itu, keadaan ribut petir di perairan Perak, Terengganu, Pahang, Johor timur, Selat Melaka dan Tioman dijangka berterusan sehingga Rabu.

Keadaan tersebut boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 kmsj dan laut bergelora dengan ketinggian ombak sehingga 3.5 meter, sekali gus bahaya kepada bot kecil.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 17 DISEMBER 2014 (RABU)**



## **KL Tuan Rumah Persidangan Nuclear Power Asia 2015 Pada 27 Jan**

**Oleh Tengku Noor Shamsiah Tengku Abdullah**

SINGAPURA, 16 Dis (Bernama) -- Kuala Lumpur akan menjadi tuan rumah Nuclear Power Asia 2015 - persidangan dan pameran utama serantau bagi komuniti tenaga nuklear pada 27 hingga 28 Jan depan.

Lebih 300 pakar pembangunan industri tenaga nuklear akan menghadiri acara dua hari dianjurkan buat kali keenam dan akan diadakan di Hilton Kuala Lumpur.

Menurut satu kenyataan hari ini, selain menghimpunkan kalangan pakar, persidangan itu turut mengetengahkan program nuklear global.

Acara disokong Persatuan Nuklear Sedunia, juga akan merangkumi perbincangan serta meneroka pelbagai model serta amalan terbaik membangunkan kerangka undang-undang, memanfaatkan kepakaran antarabangsa serta pembangunan pemilikan bersesuaian dan model operasi program baharu berkenaan.

Antara speaker utama termasuk Timbalan Ketua Pegawai Operasi Akkuyu NGS Elektrik Uretim A.S. Turki; Pengarah Divisyen Antarabangsa Andra, Perancis Gerald Ouzounian dan Wakil China General Nuclear Power Corporation, Liu Yunli.

Speaker lain termasuk Penyelaras Program Jabatan Tenaga Nuklear Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) Austria, Paul Degnan, Ketua Pengarah Lembaga Pelesenan Atom Malaysia Hamrah Mohd Ali, Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia Datuk Dr Muhammed Lebai Juri, Ketua Pegawai Operasi Malaysia Nuclear Power Corporation (MNPC), Dr Mohd Zamzam Jaafar.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 17 DISEMBER 2014 (RABU)**



## **LZS Agih RM492 Juta Wang Zakat Sehingga Bulan Lepas**

SHAH ALAM, 16 Dis (Bernama) -- Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyasarkan agihan zakat sebanyak RM500 juta sehingga akhir tahun ini, kata Ketua Pegawai Eksekutif LZS Mohamed Izam Mohamed Yusof.

Katanya, sebanyak RM492 juta wang zakat itu telah diagihkan kepada golongan asnaf di negeri ini tahun ini hingga November.

"Kami yakin, berdasarkan pengalaman, di akhir tahun (bulan Disember) jumlah kutipan zakat akan meningkat.

"Ini membolehkan LZS menyalurkan lebih banyak agihan wang zakat kepada golongan asnaf," katanya kepada pemberita selepas Majlis Bayaran Zakat Perniagaan dan Pengagihan Zakat di sini hari ini.

Turut menerima agihan zakat itu ialah 291 orang anak fakir dan miskin yang melanjutkan pelajaran di Universiti Industri Selangor.

Pada majlis itu, LZS menerima bayaran zakat perniagaan berjumlah kira-kira RM1.2 juta dari 29 buah syarikat antaranya **SIRIM QAS International Bhd** dan AmIslamic Bank Bhd.

LZS juga menyampaikan pelbagai jenis bantuan zakat berjumlah kira-kira RM2.4 juta termasuk van jenazah kepada 10 buah masjid.

-- BERNAMA